

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. KO CHUNG SEN
KAWASAN : KAMPAR
NO. SOALAN : 254

YB. DR. KO CHUNG SEN minta minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan mengapa kereta Mercedes S400 Hybrid yang dipasang dalam negara dan dikecualikan duti eksais masih berharga RM588,000 berbanding dengan hanya USD92,350 di Amerika yang merupakan kurang daripada separuh harganya di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Dasar Automatif Nasional (NAP 2014) telah menawarkan insentif pengecualian duti import dan duti eksais mulai 1 Januari 2014 sehingga 31 Disember 2015 bagi kenderaan hibrid *Completely Knocked Down* (CKD). Syarikat pemasang kenderaan hibrid secara CKD juga akan dipertimbangkan insentif *customised* selepas 31 Disember 2015.

Dasar yang diperkenalkan ini adalah untuk memastikan perkembangan industri automatif di Malaysia adalah selari dengan arah aliran teknologi masa hadapan dan menggalakkan pelaburan ke dalam teknologi automotif hijau.

Walaupun bagaimanapun, harga kereta adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan berdasarkan faktor pasaran seperti harga komponen CKD yang diimport, kadar tukaran mata wang asing, kos pengangkutan, insurans dan kaedah faedah pinjaman serta kebolehpasaran model tersebut.

Berdasarkan maklum balas daripada pihak Mercedes-Benz Malaysia, model kenderaan tersebut tidak dijual di Amerika Syarikat. Pada masa ini, model-model Mercedes-Benz yang ditawarkan di pasaran tersebut adalah S550, S600, S63 AMG 4MATIC dan S65 AMG.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga asas model S400 Hybrid di Jerman adalah Euro 76,305 di mana penambahan spesifikasi khusus untuk pasaran Malaysia melibatkan kos tambahan sebanyak Euro 39,683. Ini menjadikan harga spesifikasi bagi pasaran Malaysia meningkat kepada Euro 115,988. Oleh itu, harga jualan di Malaysia ditetapkan sebanyak RM588,000 dengan mengambil kira kadar pertukaran mata wang, cukai jualan serta kos pemasangan, logistik, pengedaran dan sebagainya.